

PM ingatkan ahli Umno jangan angkuh

ALOR STAR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan seluruh ahli Umno supaya jangan lupa daratan walaupun parti itu telah maju dan banyak mencapai kejayaan.

Perdana Menteri bimbang sikap sombong di kalangan ahli-ahli Umno, jika ada, akan menyebabkan parti itu terpisah dari rakyat yang tidak merestui sikap negatif itu.

Bellau berkata demikian ketika merasmikan Bangunan Tunku-Umno Negeri Kedah setinggi 10 tingkat berharga \$6.2 juta di pusat bandar ini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menegaskan, walaupun Umno telah banyak mencapai kejayaan, ahli-ahlinya tidak patut berhenti berjuang untuk kepentingan parti dan rakyat.

"Janganlah kerana kejayaan itu menjadikan kita berlagak dan menonjolkan kekayaan hingga menimbulkan perasaan iri hati di kalangan orang lain.

"Jika kita terpisah dari orang ramai maka kita akan sukar mendapat sokongan mereka," katanya.

Bellau menyeru ahli-ahli Umno mengeneppikan kepentingan diri dalam perjuangan mereka.

"Saya juga khuatir kalau-kalau ada orang Umno yang merasa mereka sudah tidak perlu berusaha kerana mereka ingat boleh mendapat sesuatu hanya dengan meminta," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, kemewahan dan hasil yang diperolehi oleh Umno melalui bangunan-bangunannya bukanlah untuk kepentingan individu tetapi untuk menguatkan Umno dalam memperjuangkan nasib masyarakat.

"Kita memeriukan perbelanjaan yang banyak apabila ada pilihanraya. Jadi dengan adanya hasil (kewangan) dapatlah kita menggunakannya secara berguna," katanya.

Bellau mengingatkan betapa tokoh-tokoh Umno seperti bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Al-Fahyharham Datuk Onn Jaafar bertungkus-linus untuk kepentingan parti dan rakyat negara ini.

"Mereka berjuang bukan untuk kepentingan diri tetapi untuk mencapai kemerdekaan," katanya di upacara yang dihadiri oleh ramai tokoh veteran Umno termasuk Tunku Abdul Rahman sendiri.

Perdana Menteri menyeru setiap ahli Umno supaya tidak membelakangkan hasrat Umno dalam sebarang tindakan.

Bellau juga menasihatkan mereka jangan menggunakan nama pemimpin-pemimpin parti untuk kepentingan diri.

Katanya, kuasa adalah penting kepada seseorang pemimpin tetapi adalah lebih penting kuasa itu digunakan dengan baik untuk kepentingan rakyat.

"Janganlah kita ingat kuasa yang kita perolehi itu hak kita sahaja dan oleh itu kita boleh melakukannya apa sahaja yang kita suka," katanya.

Amalan menumpang nama orang lain untuk kepentingan diri, katanya, hanya akan membawa kepada keburukan.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan ahli-ahli Umno bahawa perjuangan mereka dan parti belum tamat lagi walaupun mereka telah banyak mencapai kejayaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. 5

No. 6